

**KECEKAPAN BERTUTUR BAHASA ARAB DAN PENDEKATAN PENGAJARAN BERPUSATKAN
PELAJAR BERSERTA ELEMEN *COACHING* DAN *MENTORING***

Masyitoh Yaacob

Firuz Akhtar Mohamad Bohari

Kaseh Abu Bakari

**Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia**

Abstrak

Pemerolehan kemahiran bertutur bahasa Arab menjadi isu penting dalam pembelajaran bahasa Arab. Tujuan utama pengajaran kemahiran bertutur ialah menjadikan para pelajar cekap bertutur dalam bahasa yang dipelajari. Kecekapan bertutur bahasa Arab pelajar boleh diasah melalui pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah. Kekurangan pendekatan pengajaran yang dapat menjadikan pelajar cekap bertutur dalam bahasa Arab merumitkan lagi keadaan. Oleh itu, Kajian ini bertujuan untuk mengukur kecekapan bertutur 21 orang pelajar kursus PPPJ3503 Bahasa Arab Lisan dalam aktiviti *role play* dan pidato spontan. Dokumen yang dianalisis dalam kajian ini ialah keputusan penilaian akhir semester dan item soal selidik yang berkaitan dengan kecekapan bertutur para pelajar setelah mengikuti kursus ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat penambahbaikan terhadap kesanggupan bertutur, pengurangan tahap kebimbangan, keyakinan berbahasa, kecekapan bertutur dalam kalangan para pelajar. Kursus PPPJ3503 Bahasa Arab Lisan ini telah berjaya menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dengan elemen *coaching* dan *mentoring* berpotensi untuk diaplikasikan dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab khususnya dan bahasa Arab secara amnya. Selain daripada itu, kajian ini juga mendapati bahawa lebih 85% pelajar menganggarkan bahawa mereka telah mengalami peningkatan dalam kecekapan bertutur bahasa Arab setelah melalui proses pengajaran bahasa Arab lisan dengan menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dengan elemen *coaching* dan *mentoring*.

Kata kunci: kemahiran bertutur, bahasa Arab, elemen *coaching*, elemen *mentoring*, pembelajaran bahasa Arab

Abstract

The acquisition of Arabic speaking skills become important issues in learning Arabic language. The main purpose of teaching speaking is to make students competent to speak the language that they learned. The proficiency of Arabic speaking students can be sharpened through the teaching approach used by lecturers. Lack of teaching approaches that can make students proficient in speaking in Arabic complicates the situation. Therefore, this study aimed to assess the speaking proficiency of 21 students' PPPJ3503 Arabic Oral Course in the role play and spontaneous speech. Documents analyzed in this study were the final semester results assessment and questionnaire items related to student's speaking proficiency after following the course. The results show that there are improvements of willingness to speak, reduction in the level of anxiety, language confidence, speaking proficiency among students. PPPJ3503 Arabic Oral course has successfully shown that the student-centered teaching approach with elements of coaching and mentoring has the potential to be applied in teaching Arabic speaking skills especially and Arabic in General. In addition, the study also found that over 85% of the students estimate that they have experienced an increase in the proficiency of speaking Arabic after undergoing Arabic speaking skills teaching process by using the student-centered approach with elements of coaching and mentoring.

Keyword: speaking skills, Arabic language, elements of coaching, mentoring element, learning Arabic

1. PENDAHULUAN

Kecekapan bertutur bermaksud kemampuan yang tinggi semasa berbahasa atau berkomunikasi secara lisan (Zarina, 2009). Individu yang mempunyai kecekapan bertutur merupakan seorang individu yang mempunyai tahap kemahiran berkomunikasi yang tinggi. Dalam kajian Mazlina (2014) kecekapan membawa maksud kesanggupan, kemampuan, kebolehan melakukan sesuatu dengan cepat dan sempurna. Bertutur pula ialah menggunakan sesuatu bahasa untuk bercakap. Dalam konteks kajian ini, kecekapan bertutur yang dimaksudkan ialah kecekapan bertutur dalam bahasa Arab. Kajian ini dilaksanakan terhadap para pelajar yang mengambil kursus PPPJ3503 Bahasa Arab Lisan di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kemahiran bertutur dalam pembelajaran bahasa Arab amat penting bagi menjamin penguasaan yang baik terhadap bahasa tersebut (Azhar, Kamarul Azmi, Mohd Ismail, Saliha, & Fauziah, 2012). Untuk mahir dalam kemahiran bertutur, pelajar juga perlu mahir dalam kemahiran mendengar. Apabila seseorang pelajar menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dalam sesuatu bahasa dengan baik, dia telah berjaya menguasai bahasa yang dipelajari. Namun begitu, untuk mencapai tahap kecekapan bertutur dalam bahasa kedua, latihan bertutur dalam bahasa tersebut perlu dilakukan secara berterusan (Mazlina, 2014). Teori sahaja tidak mencukupi jika tidak disusuli dengan praktikal. Oleh sebab itu, pelajar perlu melengkapkan diri dengan teori bahasa tersebut dan seterusnya mempraktikkannya bersama rakan-rakan atau penutur jati bahasa yang dipelajari.

Bagi meningkatkan kecekapan bertutur dalam bahasa Arab para pelajar, pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* diaplikasikan dalam kursus PPPJ3503 Bahasa Arab Lisan. Elemen *coaching* dan *mentoring* ini telah banyak digunakan dalam pelbagai bidang untuk meningkatkan kemahiran, profesionalisme, kemajuan diri individu ataupun organisasi. Antara bidang ilmu yang sering menggunakan pendekatan *coaching* dan *mentoring* ialah pembangunan pendidikan (McCann, Sinead, Delap, 2015), pembangunan profesionalisme guru (Pleschová & McAlpine, 2015; Zepeda, Parylo, & Ilgan, 2013; Zhang, Liu, & Wang, 2016), pembangunan staf (Harding, 2013), pengurusan (Filsinger, 2014), kepimpinan sekolah (Rhodes & Fletcher, 2013), bidang sains (Lunsford, 2014) dan pengurusan perniagaan (Darwin, 2015). Namun begitu, elemen *coaching* masih digunakan secara dominan dalam bidang sukan dan perniagaan (Garvey, Stokes, & Mengginson, 2014). Selain daripada dua bidang tersebut, bidang pendidikan juga tidak ketinggalan dalam penggunaan elemen *coaching* dan *mentoring* khususnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran.

Perkembangan *coaching* dan *mentoring* dalam bidang pendidikan telah berkembang sejak lebih sedekad yang lalu (Fletcher, 2012; Mullen, 2012). *Coaching* ialah proses bimbingan secara bersemuka untuk memberi arahan tentang apa yang sepatutnya dilakukan dan sebaliknya (Fournies, 1999; Grant et al., 2014). *Coaching* melibatkan individu dan jurulatih membina hubungan bagi memudahkan proses pembelajaran. Jurulatih berperanan untuk membantu individu yang dilatih untuk menetapkan sasaran pencapaian yang lebih tinggi daripada sebelumnya (Vikaraman, Azlin Norhaini, & Mohd Izham, 2017). *Coaching* juga memberikan perspektif yang bebas dan tidak terikat dengan pengetahuan sedia ada (Passmore, 2007).

Mentoring menurut Parsloe & Wray (2001) ialah satu proses yang menyokong dan menggalakkan pembelajaran berlaku. Ia melibatkan hubungan berterusan antara mentor dan *mentee* dalam konteks tertentu (Orland, 2001). Selain daripada itu, *mentoring* membekalkan pengetahuan daripada pelbagai aspek kehidupan dan juga memberikan garis panduan secara profesional dan individu kepada *mentee* (Passmore, Peterson, & Freire, 2012; Vikaraman et al., 2017). Jadi, mentor memainkan peranan yang sangat penting kepada *mentee* iaitu bertindak sebagai penasihat kepada pemikiran *mentee* mereka (Garvey et al., 2014).

Berdasarkan definisi *coaching* dan *mentoring*, boleh disimpulkan bahawa perbezaan antara kedua-dua elemen ini ialah orientasi. Menurut Vikaraman et al. (2017) *coaching* berorientasikan tugas manakala *mentoring* pula berorientasikan hubungan antara mentor dan *mentee*. Perbezaan orientasi tersebut digabungkan dalam kajian ini untuk meningkatkan kecekapan bertutur para pelajar dalam bahasa Arab. Antara kelebihan elemen *coaching* dan *mentoring* ini ialah menggalakkan proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan para pelajar bekerjasama secara efektif. Selain daripada itu, elemen *coaching* dan *mentoring* juga menyokong pembelajaran reflektif (Brockbank, 2012).

Dalam kursus ini, pensyarah memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar pada peringkat awal sesi pengajaran dan pembelajaran. Kemudian murid akan diberikan tugas yang perlu dilakukan sendiri dan dilakukan secara kolaboratif bersama dengan rakan sekuliah. Pelajar juga diminta melakukan refleksi diri pada awal semester dan pada akhir semester bagi menilai kembali kemajuan diri terutamanya dalam aspek kecekapan bertutur mereka dalam bahasa Arab sebelum dan selepas mengikuti kursus ini.

1.1 Pernyataan Masalah

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa para pelajar yang mengambil jurusan bahasa Arab di IPTA didapati masih lemah dalam penguasaan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab. Kelemahan ini mungkin berpunca daripada tahap penggunaan bahasa Arab yang lemah. Hal ini disokong oleh kajian Nadwah & Nadhilah (2014) yang menunjukkan bahawa sejumlah 70% pelajar masih tidak mampu menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Arab dengan baik walaupun mereka bakal menjadi guru bahasa Arab setelah tamat pengajian. Kelemahan para pelajar dalam kemahiran bertutur disebabkan oleh kekurangan kosa kata berkaitan topik yang

ingin dituturkan serta bimbang akan kesalahan tatabahasa bahasa Arab semasa bercakap (Adnan & Muhammad Firdaus, 2014). Selain daripada itu, suasana pembelajaran di Malaysia tidak mempunyai persekitaran yang menyokong pembelajaran bahasa asing (Klein, 1986). Namun, setakat ini masih kurang kajian yang mencari jalan penyelesaian kepada masalah ketidakcekapan bertutur pelajar dalam bahasa Arab. Tambahan pula, para pelajar kursus PPPJ3503 Bahasa Arab Lisan didapati kurang mempunyai kecekapan bertutur bahasa Arab sebelum mereka mengikuti kursus ini. Oleh sebab itu, satu kajian perlu dilakukan untuk mengukur kecekapan bertutur pelajar dalam bahasa Arab setelah melalui pengalaman belajar sepanjang satu semester dalam kursus PPPJ3503 Bahasa Arab Lisan yang menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring*.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengukur kecekapan bertutur bahasa Arab pelajar dalam aktiviti *role play*
2. Mengukur kecekapan bertutur bahasa Arab pelajar dalam aktiviti pidato spontan

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan ujian kecekapan bertutur bahasa Arab dalam aktiviti *role play* dan pidato spontan dan disokong dengan instrumen soal selidik. Pada akhir semester, para pelajar menjalani ujian kecekapan bertutur bahasa Arab dalam aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan. Manakala borang soal selidik diedarkan kepada 21 orang peserta kajian sejurus selepas tamat ujian kecekapan bertutur bahasa Arab tersebut.

Peserta kajian diambil daripada kalangan pelajar Prasiswazah Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengambil kursus PPPJ3503 Bahasa Arab Lisan. Data kajian ini diperolehi daripada keputusan ujian kecekapan bertutur bahasa Arab dalam aktiviti *role play* dan pidato spontan. Selain daripada itu, data kajian daripada ujian kecekapan bertutur bahasa Arab disokong dengan jawapan soal selidik tentang anggaran peningkatan diri dalam kecekapan bertutur bahasa Arab para pelajar. Data yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif dan dilaporkan secara analisis deskriptif.

3. DAPATAN KAJIAN

Kecekapan bertutur bahasa Arab pelajar dalam aktiviti *role play* dan pidato spontan boleh diketahui daripada keputusan ujian kecekapan bertutur bahasa Arab dalam aktiviti *role play* dan

pidato spontan yang diperoleh oleh pelajar semasa sesi penilaian akhir semester. Berdasarkan kepada analisis keputusan ujian tersebut, tahap kecekapan bertutur bahasa Arab pelajar berbeza antara individu. Namun begitu masih terdapat persamaan antara mereka iaitu 100% pelajar telah mengalami peningkatan kecekapan bertutur bahasa Arab mereka setelah tamat kursus yang diambil.

Penilaian akhir semester yang memerlukan pelajar melaksanakan aktiviti *role play* secara berpasangan dan pidato spontan secara individu merupakan instrumen untuk mengukur kecekapan bertutur bahasa Arab para pelajar. Semasa para pelajar melaksanakan aktiviti tersebut, pensyarah menilai persembahan mereka berdasarkan rubrik penilaian bagi setiap aktiviti yang telah ditetapkan. Rubrik penilaian aktiviti *role play* dan pidato spontan merangkumi kriteria penyampaian makna komunikasi, ketepatan bahasa, kefasihan sebutan dan kelancaran. Markah diberikan bagi setiap kategori berdasarkan kriteria-kriteria tersebut.

Berdasarkan markah yang diperoleh oleh para pelajar, ukuran tahap kecekapan bertutur bahasa Arab pelajar adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: *Ukuran Tahap Kecekapan Bertutur Bahasa Arab Pelajar*

Kurang Memuaskan	Memuaskan	Sangat Memuaskan
0% - 3.9%	4% - 6.9%	7% - 10%

Jadual 2 di bawah pula menunjukkan rubrik penilaian aktiviti *role play* dan pidato spontan yang menunjukkan setiap tahap kecekapan bertutur bahasa Arab.

Jadual 2: *Rubrik Penilaian Aktiviti Role Play dan Pidato Spontan*

Tahap Kecekapan Bertutur Bahasa Arab	Kriteria
Kurang Memuaskan (0% - 3.9%)	<ul style="list-style-type: none"> • Pidato menepati tajuk. Pidato sukar difahami. • Terlalu banyak kesalahan pemilihan perkataan, sorof, nahu. • Sebutan tidak jelas langsung. • Langsung tidak lancar.

<p>Memuaskan (4% - 6.9%)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pidato kurang menepati tajuk. Perbualan kadang-kadang difahami, kadang-kadang tidak. • Pemilihan perkataan, sorof, nahu tidak konsisten. • Jelas. Sebutan tidak langsung menghampiri penutur jati. • Jelas. Sebutan penutur jati tidak konsisten. • Lebih kerap tersekat daripada lancar. • Kadang-kadang lancar, kadang-kadang tersekat.
<p>Sangat Memuaskan (7% - 10%)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pidato menepati tajuk. Pidato sukar difahami. • Pemilihan perkataan, sorof, nahu secara umumnya tepat. • Menghampiri penutur jati • Sebutan seperti penutur jati. • Secara umumnya lancar, sedikit tersekat. • Amat lancar.

Setelah selesai sesi penilaian yang dilaksanakan pada akhir semester, markah kecekapan bertutur bahasa Arab para peserta kajian dalam aktiviti *role play* dan pidato spontan dikategorikan berdasarkan rubrik penilaian dan tahap kecekapan bertutur bahasa Arab seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2. Markah kecekapan bertutur bahasa Arab para peserta kajian untuk aktiviti *role play* dan aktiviti pidato spontan adalah seperti berikut:

3.1 Kecekapan Bertutur Bahasa Arab Pelajar Dalam Aktiviti *Role Play*


Berdasarkan rajah 1, markah pencapaian pelajar dalam aktiviti *role play* telah menunjukkan bahawa semua peserta kajian telah mencapai tahap kecekapan bertutur yang melebihi 5%. Seramai 7 orang peserta kajian (33.33%) mendapat markah sebanyak 6%. Untuk pencapaian markah 7% dan 8% masing-masing dicapai oleh 5 orang peserta kajian (23.80%). Markah pencapaian kecekapan bertutur bahasa Arab yang paling tinggi iaitu 9% telah dicapai oleh 4 orang peserta kajian. Markah yang diperoleh oleh para peserta kajian ini telah menunjukkan tahap kecekapan bertutur bahasa Arab dalam aktiviti pidato spontan berada pada tahap memuaskan seramai 7 orang peserta kajian (33.33%) dan tahap sangat memuaskan seramai 14 orang peserta kajian (66.67%).



Rajah 1: *Markah Pencapaian Pelajar dalam Aktiviti Role Play*


3.2 Kecekapan Bertutur Bahasa Arab Pelajar dalam Aktiviti Pidato Spontan

Rajah 2 menunjukkan bahawa semua peserta kajian (100%) telah mendapat markah melebihi 4%. Tahap kecekapan bertutur bahasa Arab yang dicapai oleh para peserta kajian ialah memuaskan seramai 5 orang (23.81%) dan sangat memuaskan seramai 16 orang (76.19%). Majoriti pelajar telah mencapai tahap sangat memuaskan dalam kecekapan bertutur bahasa Arab. Pada tahap memuaskan, seorang peserta kajian (4.76%) mendapat markah 4% dan 4 orang peserta kajian (19.05%). Manakala pada tahap sangat memuaskan, markah 7% telah dicapai oleh 9 orang peserta kajian (42.89%), markah 8% seramai 4 orang peserta kajian (19.05%) dan markah 9% pula seramai 3 orang peserta kajian (14.29%).



Rajah 2: Markah Pencapaian Pelajar dalam Aktiviti Pidato Spontan

Sokongan kepada data di atas juga diperoleh daripada instrumen soal selidik yang berkaitan dengan kecekapan bertutur bahasa Arab pelajar. Item yang dimaksudkan berkaitan dengan anggaran kemajuan diri peserta kajian daripada sudut kecekapan bertutur bahasa Arab mereka. Dapatan daripada instrumen soal selidik yang berkaitan dengan kecekapan bertutur bahasa Arab tersebut boleh dilihat dalam rajah di bawah:



Rajah 3: Anggaran Peningkatan Diri dalam Kecekapan Bertutur Bahasa Arab

Rajah 3 di atas, semua pelajar telah mencapai peningkatan diri mereka dalam kecekapan bertutur dalam bahasa Arab setelah mengikuti kursus ini. Terdapat 2 orang peserta kajian (9.52%) telah mencapai tahap kecekapan bertutur dalam bahasa Arab yang paling tinggi, 13 orang peserta kajian (61.90%) mencapai tahap tinggi manakala 6 orang peserta kajian (19.05%) mencapai tahap sederhana. Hanya seorang sahaja pelajar (4.76%) yang mencapai tahap kecekapan bertutur yang rendah daripada kalangan rakan-rakannya yang lain.

Secara keseluruhannya, anggaran peningkatan diri pelajar untuk item kecekapan saya bertutur dalam bahasa Arab boleh digambarkan dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: *Anggaran Peningkatan Diri Pelajar dalam Kecekapan Bertutur*

Bahasa Arab

Anggaran Peningkatan Diri	Bawah 39%	40% - 69%	70% - 100%
Kecekapan saya bertutur dalam bahasa Arab	3 (14.29%)	12 (57.14%)	6 (28.57%)

Seramai 6 orang peserta kajian telah mencapai tahap peningkatan kecekapan bertutur sebanyak 70% hingga 100% dan mewakili 28.57% daripada bilangan pelajar yang mengambil kursus ini. Majoriti peserta kajian mengalami peningkatan kecekapan bertutur sebanyak 50% hingga 69%. Hanya 3 orang pelajar mengakui bahawa tahap kecekapan bertutur dalam bahasa Arab bawah 39%. Pengakuan pelajar ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang digunakan sepanjang kursus mampu untuk meningkatkan kecekapan bertutur dalam bahasa Arab para pelajar yang mengambil kursus ini.

4. PERBINCANGAN

Para peserta kajian pada mulanya didapati kurang mempunyai kecekapan bertutur bahasa Arab sebelum mengikuti kursus PPPJ3503 Bahasa Arab Lisan. Namun begitu, setelah para peserta kajian mengikuti kursus tersebut, didapati bahawa kecekapan bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar kursus PPPJ3505 Bahasa Arab Lisan di UKM secara keseluruhannya telah meningkat. Peningkatan kecekapan bertutur bahasa Arab para pelajar dikenal pasti berdasarkan markah para peserta kajian dalam penilaian aktiviti *role play* dan pidato harian serta instrumen

soal selidik yang berkaitan dengan anggaran kemajuan diri dalam kecekapan bertutur bahasa Arab mereka.

Jika dibandingkan antara markah pencapaian para peserta kajian dengan anggaran peningkatan diri untuk item kecekapan bertutur bahasa Arab, di dapati tiada percanggahan antara keduanya. Cuma bilangan peserta kajian yang berada pada tahap kecekapan bertutur bahasa Arab yang telah ditetapkan agak berbeza. Perbezaan tersebut boleh dilihat di dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: *Perbandingan Tahap Kecekapan berdasarkan Sumber Data yang Berbeza*

Tahap kecekapan Aktiviti	Kurang Memuaskan (0% - 3.9%)	Memuaskan (4% - 6.9%)	Sangat Memuaskan (7% - 10%)
Markah pencapaian akhir semester untuk aktiviti <i>role play</i>	tiada	7 orang	14 orang
Markah pencapaian akhir semester untuk aktiviti pidato spontan	tiada	5 orang	16 orang
Anggaran kemajuan diri berdasarkan graf	tiada	6 orang	15 orang
Anggaran kemajuan diri berdasarkan peratus	3 orang	12 orang	6 orang

Berdasarkan data yang ditunjukkan dalam Jadual 2, markah pencapaian peserta kajian dalam aktiviti *role play*, pidato spontan dan anggaran kemajuan diri peserta kajian berdasarkan graf hampir sama. Perbezaan yang berlaku hanya melibatkan seorang atau dua orang peserta kajian bagi setiap tahap. Namun begitu, terdapat perbezaan yang agak ketara jika dibandingkan dengan data yang dipaparkan dalam bentuk peratus. 3 orang peserta kajian telah menganggarkan kemajuan diri yang kurang memuaskan sedangkan dalam markah pencapaian mereka dalam aktiviti *role play* dan pidato spontan serta anggaran kemajuan diri peserta kajian berdasarkan graf telah menunjukkan tahap yang berbeza.

Begitu juga dengan bilangan peserta kajian yang menganggarkan kemajuan diri antara 40% hingga 69%. Seramai 12 orang peserta kajian yang berada pada tahap memuaskan dan 6 orang peserta kajian telah meletakkan diri mereka pada kelompok tahap pencapaian yang sangat memuaskan. Sebaliknya data yang diperoleh berdasarkan markah pencapaian mereka dalam aktiviti *role play* dan pidato spontan serta anggaran kemajuan diri peserta kajian berdasarkan graf telah menunjukkan bilangan yang bertentangan antara kedua-dua tahap tersebut. Perbezaan ini berlaku kerana perbezaan interpretasi anggaran kemajuan diri daripada perspektif peserta kajian dengan perspektif pensyarah. Para peserta kajian juga tidak mengetahui maklumat tentang markah pencapaian sebenar mereka dalam aktiviti *role play* dan pidato spontan.

Penilaian aktiviti *role play* dan pidato spontan menjadi alat pengukur kepada tahap kecekapan bertutur bahasa Arab peserta kajian. Penilaian terhadap kedua-dua aktiviti ini dilaksanakan pada akhir semester. Pemilihan aktiviti-aktiviti ini sebagai kayu pengukur tahap kecekapan bertutur bahasa Arab kerana para peserta kajian dikehendaki untuk menggunakan semua ilmu kemahiran bertutur bahasa Arab yang diperoleh sepanjang semester. Persembahan mereka dinilai oleh pensyarah berdasarkan rubrik penilaian yang mempunyai kriteria dan markah yang telah ditetapkan. Penetapan rubrik penilaian untuk kedua-dua aktiviti bertujuan untuk memudahkan proses penilaian semasa para peserta kajian melakukan persembahan.

Peningkatan tersebut berlaku apabila mereka diberikan topik yang lebih dekat dengan diri mereka. Namun begitu, apabila mereka diberikan tajuk yang lebih tinggi aras kesukarannya seperti isu-isu global negara Arab, kecekapan bertutur menjadi semakin berkurang disebabkan oleh kekurangan maklumat dan perkataan-perkataan yang berkaitan dengan tajuk tersebut. Keadaan ini bertepatan dengan kajian-kajian lepas yang mendapati bahawa antara faktor para pelajar tidak dapat bertutur dengan baik ialah berpunca daripada kekurangan kosa kata berkaitan dengan topik tertentu (Anuar, 2016; Mohd Hilmi, Muhd Zulkifli & Nik Farhan, 2014; Mohd Zaki, Kaseh, Nik Farhan, & Nurazan, 2016; Nadwah & Nadhilah, 2014).

Antara cara penyelesaian kepada kekurangan kosa kata dalam kalangan pelajar ialah dengan bantuan buku *Arabic Linguaphone*. Buku tersebut dapat membantu menambahkan kosa kata, frasa dan ayat yang boleh dituturkan oleh pelajar. Mereka dikehendaki menghafal kandungan buku tersebut bagi mengatasi masalah kekurangan kosa kata. Apabila masalah kekurangan kosa kata tersebut telah diatasi, maka pelajar menjadi lebih cekap untuk bertutur. Selain daripada

penggunaan buku *Arabic Linguaphone*, pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dengan elemen *coaching* dan *mentoring* juga dicadangkan sebagai penyelesaian kepada masalah ketidakcekapan pelajar semasa bertutur dalam bahasa Arab.

Aktiviti-aktiviti pengajaran yang melibatkan elemen *coaching* dan *mentoring* ialah *coaching* dan *mentoring* kebimbangan berbahasa Arab, *coaching* dan *mentoring* impian, *coaching* dan *mentoring* pidato spontan dan *coaching* dan *mentoring* perbincangan *Arab Spring*. Daripada aktiviti-aktiviti tersebut, pidato spontan yang melibat pelbagai isu ringan dan berat banyak membantu pelajar meningkatkan kecekapan bertutur dalam bahasa Arab. Semasa melakukan aktiviti tersebut, para pelajar mengakui bahawa mereka dapat mengesan kelemahan diri masing-masing semasa melakukan aktiviti tersebut. Pidato spontan pada kebiasaannya berkaitan dengan kehidupan seharian para pelajar sehingga isu semasa yang berlaku di dunia Arab.

Perkara lain yang boleh membantu kecekapan bertutur para pelajar ialah konsep teori dan praktikal. Teori tentang bahasa Arab lisan diperoleh daripada pengajaran pensyarah dan bahan pengajaran yang dibekalkan iaitu buku *Arabic Linguaphone*. Praktikal kepada teori yang dipelajari ialah ketika melakukan aktiviti sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Sebelum melaksanakan aktiviti praktikal bertutur dalam bahasa Arab, mereka telah diajar cara mengatasi kebimbangan berbahasa Arab melalui *coaching* dan *mentoring* oleh pensyarah.

Semasa di dalam kelas, para peserta kajian berlatih bertutur dalam bahasa Arab bersama pensyarah dan rakan-rakan dengan panduan buku *Arabic Linguaphone* manakala semasa di luar kelas, mereka dikehendaki merakam video berbual dengan orang Arab di restoran Arab dan mereka digalakkan untuk mencari rakan daripada kalangan bangsa Arab. Oleh itu, para peserta kajian tidak hanya menggunakan bahasa Arab di dalam kelas bahkan di luar kelas. Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Ghazali, Nik Mohd Rahimi, Parilah, Wan Haslina, dan Muhammad Sabri (2012) yang menyatakan bahawa para pelajar hanya menggunakan bahasa Arab di dalam kelas sahaja.

Kebanyakan tugas merakam video-video yang diberikan, memerlukan pelajar melakukannya di luar kelas secara individu atau pun berkumpulan. Temu bual kumpulan fokus bersama pelajar mendapati bahawa kebanyakan pelajar menyukai tugas merakam video kerana tugas tersebut memaksa mereka untuk bertutur dalam bahasa Arab. Rakaman video-video tersebut

juga mampu untuk meningkatkan kecekapan bertutur dalam bahasa Arab mereka. Namun begitu, tugas merakam video tersebut perlu dikurangkan dan fokus perlu diberikan kepada video yang mampu memberikan impak yang lebih besar terhadap peningkatan kecekapan bertutur bahasa Arab para pelajar. Selain daripada itu, terdapat juga cadangan daripada pihak pelajar agar aktiviti rakaman video dilakukan secara spontan tanpa sebarang persediaan terlebih dahulu.

5. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa tahap kecekapan bertutur para pelajar yang mengikuti kursus ini telah meningkat berdasarkan dapatan kajian. Peningkatan kecekapan bertutur dalam bahasa Arab tersebut terhasil daripada proses pengajaran yang menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* oleh pensyarah. Melalui pendedahan maklumat tentang peningkatan kecekapan bertutur bahasa Arab, para pengajar boleh mempertimbangkan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *coaching* dan *mentoring* untuk digunakan semasa mengajar di dalam kelas. Melalui kepelbagaian pendekatan pengajaran yang digunakan oleh para pengajar, kecekapan bertutur bahasa Arab para pelajar berkemungkinan akan meningkatkan sehingga mencapai tahap yang tinggi.

RUJUKAN

- Adnan Mat Ali, & Muhammad Firdaus Hj Abdul Manaf. (2014). Kekangan bertutur dalam bahasa Arab di kalangan pelajar BASL. *International Research Management and Innovation Conference 2014, 2014(November)*, 584–599.
- Anuar Sopian. (2016). Tahap pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengambil Kursus Bahasa Arab di UITM Melaka. *International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, 3rd(March)*, 14–15.
- Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Ismail Mustari, Saliha Sackkani, & Fauziah Ali. (2012). Kemahiran bertutur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. In *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]*, 889–899
- Brockbank, A. (2012). *Facilitating reflective learning: Coaching, mentoring and supervision. Coaching, mentoring and supervision.*
- Darwin, A. (2015). Graduates giving back – A mentoring program for MBA students. *International*

Journal of Mentoring and Coaching in Education. <https://doi.org/10.1108/IJMCE-03-2015-0009>

- Filsinger, C. (2014). The virtual line manager as coach: Coaching direct reports remotely and across cultures Claudia Filsinger. *International Journal of Evidence Based Coaching and Mentoring*, 12(2),
- Fletcher, S. (2012). Editorial of the inaugural issue of the International Journal of Mentoring and Coaching in Education. *International Journal of Mentoring and Coaching in Education*, 1(1), 4–11.
- Fournies, F. F. (1999). *Coaching for Improved Work Performance*. McGraw Hill Professional (Revised). New York: McGraw Hill Professional.
- Garvey, B., Stokes, P., & Mengginson, D. (2014). *Coaching and Mentoring* (Second). Los Angeles: SAGE.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah, & Muhammad Sabri Sahrir. (2012). Penggunaan bahasa Arab lisan dan hubungannya dengan strategi pengurusan sumber. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 505–520.
- Grant, A. M., Fazel, P., Kitay, J. I. M., Wright, C., Creplet, F., Dupouet, O., ... Grant, A. M. (2014). The effectiveness of workplace coaching: A meta-analysis of learning and performance outcomes from coaching. *Coaching: An International Journal of Theory, Research and Practice*, 33(2), 137–151
- Harding, C. (2013). The transitional space provided by coaching and mentoring. *International Journal of Evidence Based Coaching and Mentoring*, (7), 56–72.
- Klein, W. (1986). *Second language acquisition*. Cambridge textbooks in linguistics.
- Lunsford, L. G. (2014). International Journal of Mentoring and Coaching in Education. *International Journal of Mentoring and Coaching in Education Iss Library Review Journal of Documentation Iss Journal of Economic Studies*, 3(20), 4–17.
- Mazlina Baharudin. (2014). Pemerolehan dan penguasaan kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di Universiti Sains Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral*

Sciences, 134, 270–275. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.248>

- McCann, Sinead, Delap, J. (2015). Mentoring Case Studies in the Access and Civic Engagement Office , Dublin Institute of Technology. *International Journal of Evidence Based Coaching and Mentoring*, 13(1), 106–120. Retrieved from <http://ijebcm.brookes.ac.uk/>
- Mohd Hilmi Mohd Hashim, Muhd Zulkifli Ismail, & Nik Farhan Mustafa. (2014). “Alamak! Macamana nak cakap ni?”: Penggunaan strategi tampungan dalam komunikasi lisan bahasa Arab. *Global Media Journal - Malaysian Edition*, 4(1), 152–168.
- Mohd Zaki Ismail, Kaseh Abu Bakar, Nik Farhan Nik Mustapha, & Nurazan M Rouyan. (2016). Strategi pembelajaran kosa kata berimbuhan bahasa Arab. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 13(2016), 113–133. Retrieved from <http://mjli.uum.edu.my>
- Mullen, C. A. (2012). Mentoring: An overview. In *The Sage Handbook of Mentoring and Coaching in Education*. <https://doi.org/10.4135/9781446247549.n2>
- Nadwah Daud, & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117–133.
- Orland, L. (2001). Reading a mentoring situation: One aspect of learning to mentor. *Teaching and Teacher Education*, 17(1), 75–88
- Parsloe, E., & Wray, M. (2001). *Coaching and Mentoring: Practical Methods to Improve Learning* (Second). London: Kogan Page.
- Passmore, J. (2007). Coaching and mentoring - The role of experience and sector knowledge. *International Journal of Evidence Based Coaching & Mentoring*.
- Passmore, J., Peterson, D. B., & Freire, T. (2012). The Psychology of Coaching and Mentoring. In *The Wiley-Blackwell Handbook of the Psychology of Coaching and Mentoring*. <https://doi.org/10.1002/9781118326459.ch1>
- Pleschová, G., & McAlpine, L. (2015). Enhancing university teaching and learning through mentoring. *International Journal of Mentoring and Coaching in Education*, 4(2), 107–125.
- Rhodes, C., & Fletcher, S. (2013). Coaching and mentoring for self-efficacious leadership in

schools. *International Journal of Mentoring and Coaching in Education*, 2(1), 47–63.

Vikaraman, S. S., Azlin Norhaini Mansor, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2017). Mentoring and coaching practices for beginner teachers—A need for mentor coaching skills training and principal's support. *Creative Education*, 8(1), 156–169.

Zarina Ahmad. (2009). *Keterampilan bertutur dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Selangor*. Universiti Putra Malaysia.

Zepeda, S. J., Parylo, O., & Ilgan, A. (2013). Teacher peer coaching in American and Turkish schools. *International Journal of Mentoring and Coaching in Education*, 2(1), 64–82. <https://doi.org/10.1108/20466851311323096>

Zhang, S., Liu, Q., & Wang, Q. (2016). A study of peer coaching in teachers' online professional learning communities. *Universal Access in the Information Society*, 1–11.